

Majlis Interaksi Akademik Bersama Ibu Bapa/Penjaga Murid Tingkatan 5 SMK Taman Perumahan Bedaun



Sesi bergambar pentadbir sekolah bersama tetamu, ibu bapa / penjaga murid dan murid-murid tingkatan 5 yang hadir program Interaksi Akademik

Barisan hadapan, Dari kanan : Encik Yee Choon Hian (PK Kokurikulum), Encik Awang Adi Bin Tuah (PK HEM), Encik Mohd Nazri Bin Mustapa (Pegawai Angkat SMKTPB), Puan Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, (Pengetua), dan Puan Chai Yee San (PK pentadbiran).

Labuan, 14 Januari – Pada hari Sabtu yang lalu, SMK Taman Perumahan Bedaun telah mengadakan Majlis Interaksi Akademik Bersama Ibu Bapa/ Penjaga Murid Tingkatan 5 bagi membincangkan pencapaian murid dalam Peperiksaan Percubaan SPM tahun 2022.

Seramai 69 orang ibu bapa atau penjaga yang menghadiri program ini bersama dengan anak masing-masing bertujuan untuk mengambil slip Peperiksaan Percubaan SPM Tahun 2022 dan slip Inventori Minat Kerjaya (IMK) daripada ujian Psikometrik Unit Bimbingan dan Kaunseling. Turut hadir sebagai tetamu kehormat iaitu Encik Mohd Nazri Bin Mustapa, Pegawai Angkat Sekolah, SMK Taman Perumahan Bedaun.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membincangkan halatuju dan perkembangan pembelajaran murid

terutamanya murid Tingkatan 5 yang akan menduduki SPM. Selain itu, perkongsian idea antara pihak sekolah dan ibu bapa/ penjaga dapat dieratkan serta hubungan seterusnya meningkatkan kerjasama antara ibu bapa/ penjaga dan guru-guru dalam menangani masalah murid sama ada dari segi kehadiran, sahsiah dan prestasi akademik.



Ibu bapa/ penjaga beserta anak murid Tingkatan 5 yang hadir mendengar pembentangan dari pihak sekolah.

Puan Viviana Ayu Saidin, guru bimbingan dan kaunseling SMK Taman Perumahan Bedaun, membentangkan data psikometrik murid tingkatan 5 iaitu Inventori Minat Kerjaya (IMK). Dalam pembentangan beliau, Puan Viviana Ayu menyatakan kepentingan IMK ini adalah untuk pemilihan kerjaya berdasarkan ekspresi *personality* individu.

Dari pada enam aspek *personality*, murid tingkatan 5 SMK Taman Perumahan bedaun menunjukkan data paling tinggi pada aspek *investigative* (32 daripada 88 orang murid), diikuti oleh *sosial* (19 daripada 88 orang murid). Seterusnya, *konvensional* (16 daripada 88 orang murid). *Realistic* mencatatkan 10 daripada 88 orang murid, manakala *artistic* mencatatkan 7 daripada 88 orang murid. Aspek terendah ialah *enterprising* iaitu hanya 4 daripada 88 orang murid.

Selepas pembentangan IMK, Puan Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, Pengetua, SMK Taman Perumahan Bedaun membentangkan mengenai Perkembangan pencapaian murid Tingkatan 5 yang akan menduduki SPM. Puan Norazita memulakan pembentangan dengan menunjukkan *countdown* hari SPM serta taktik-tarikh penting SPM sama ada Ujian Amali Sains Bersepadu (UAS), Ujian Lisan Bertutur dan Mendengar Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris, serta Ujian Bertulis SPM yang bermula 30 Januari 2023 sehingga 15 Mac 2023.

Dalam pembentangan laporan pencapaian prestasi calon SPM berdasarkan peperiksaan percubaan tahun 2022, Pengetua menyatakan bahawa GPS sekolah masih jauh lagi untuk mencapat target SPM yang ditetapkan oleh sekolah iaitu 4.78. Peratus layak sijil juga belum mencapai 100 peratus seperti yang diharapkan untuk pencapaian SPM murid.



Puan Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri



Puan Viviana Ayu Saidin

Dengan itu, pengetua menyatakan harapan sekolah agar murid dapat hadir ke sekolah sepanjang waktu persekolahan dan melibatkan diri 100 % dalam PdP dan kelas bimbingan MASTERI yang diadakan oleh pihak sekolah. Murid juga hendaklah menjaga hubungan baik dengan guru, ibu bapa, ahli keluarga dan orang sekeliling. Selain itu, pihak sekolah juga memberikan motivasi diri kepada murid agar motivasi mereka dapat dipacu sepanjang waktu pembelajaran melalui Bimbingan Kaunseling. Akhir sekali, harapan sekolah agar ibu bapa dapat memberikan sokongan moral terhadap pembelajaran anak dan terhadap aktiviti/ program sekolah.

Selepas sesi pembentangan, sesi pengagihan Slip Peperiksaan Percubaan SPM Tahun 2022 dan slip Inventori Minat Kerjaya (IMK) oleh guru kelas diadakan di Dataran Bedaun untuk Murid Tingkatan 5 sekaligus perbincangan perkembangan murid antara ibu bapa dan guru kelas.

Berita Oleh : SMK Taman Perumahan Bedaun



Puan Norazita Binti Md Nor @ Shamsuri, (Pengetua, SMKTPB) dan Encik Mohd Nazri Bin Mustapa(Pegawai Angkat SMKTPB) mengikuti sesi perbincangan antara guru kelas, ayah dan murid kelas 5 Alfa.